

Makluman Tanggungan Bayaran Caj Perkhidmatan Yuran Keahlian Bermula 2024 Dalam Sistem IPAY88 Melalui Database ILAM

Perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis ILAM bil (8) pada 9 Jun 2023 telah bersetuju dan meluluskan pembaharuan yuran keahlian bermula tahun 2024 bagi semua ahli ILAM melalui Sistem IPAY88. Dengan demikian, sila ambil maklum bahawa bayaran caj perkhidmatan oleh Sistem IPAY 88 akan dikenakan untuk setiap kategori ahli tersebut.

Penambahan caj perkhidmatan ini adalah hanya sah dalam Sistem IPAY88 melalui Database ILAM sahaja. Jumlah penambahan caj perkhidmatan ini bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

KATEGORI	YURAN KEAHLIAN (RM) + BAYARAN IPAY88	JUMLAH
AHLI KORPORAT	RM250.00 + RM8.00	RM258.00
AHLI GRADUAN	RM100.00 + RM4.00	RM104.00
AHLI BERSEKUTU	RM100.00 + RM4.00	RM104.00
AHLI LUAR NEGARA	RM250.00 + RM8.00	RM258.00
AHLI SISWA	RM30.00 + RM1.00	RM 31.00
PEMBAHARUAN FIRMA PERUNDING	RM500.00 + RM16.00	RM516.00
FIRMA PERUNDING BARU	RM1,000.00 + RM31.00	RM1,031.00

Sejak Sistem IPAY88 ini diperkenalkan kepada ahli pada tahun 2014, ILAM telah menampung bayaran caj perkhidmatan yang besar setiap tahun serta mengalami susut nilai dalam pembayaran yuran keahlian dari jumlah asal sehingga tahun 2023.

Namun begitu, Ahli ILAM yang membuat pembayaran yuran keahlian terus ke akaun rasmi ILAM tidak akan dikenakan sebarang bayaran caj perkhidmatan.

Oleh yang demikian, pihak ILAM sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada ahlinya. Sokongan dan kerjasama daripada semua ahli amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

“STEWARDS OF THE LAND”

LAr. Siti Maisarah bt. Salahudin

Setiausaha Kehormat 2022/2024

Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)



INSTITUTE OF LANDSCAPE ARCHITECTS MALAYSIA (ILAM)
1-10-3, Presint ALAMI, Pusat Perniagaan Worldwide 2, Persiaran
Akuatik, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Tel: (60) 3-5523-4638 | (60) 11-1181 8919
Fax: (60) 3-5519 0827 E-mail: ilamalaysia1981@gmail.com

A Member of:

International Federation of Landscape Architects (IFLA)

Malaysian Professional Centre (BIM)

Malaysia Green Building Confederation (MGBC)



Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)



ilamalaysia



ilamalaysia



www.ilamalaysia.org